

Praktis PT3 Bahagian A

Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai.

- Sejak datuk Amir jatuh sakit, badannya semakin _____.
A kecil C kering
B susut D kempis
- Para peserta perkhemahan itu _____ mendengar taklimat daripada Encik Husni.
A teliti C tangkas
B asyik D khusyuk
- Cahaya lampu suluh itu _____ kerana baterinya lemah.
A pudar C kelam
B malap D samar
- Badan Tuk Leman masih _____ walaupun usianya sudah menjangkau lebih 70 tahun.
A lurus C tegap
B tegak D teguh
- Keropok ikan yang dibeli oleh Shima sangat _____ dan rasanya sangat sedap.
A rapuh C liat
B empuk D rangup
- Acara senamrobik itu mendapat sambutan yang _____ daripada murid-murid.
A hangat C sengit
B tegang D panas
- Tiupan angin _____ di puncak gunung itu menyebabkan para pendaki mencari tempat perlindungan.
A laju C pantas
B deras D kencang
- Peluang pasukan Merah untuk menjuarai perlawanan hoki masih _____ walaupun pasukan itu pernah tewas kepada pasukan lawan sebelum ini.
A terang C cerah
B jernih D jelas

Praktis PT3 Bahagian B

Dalam setiap ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan bahasa**. Kenal pasti kesalahan tersebut dan **tulis jawapan yang betul** pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- Pengambilan makanan yang mengandungi kandungan gula yang besar boleh menyebabkan penyakit kencing manis.

- Semasa menyertai acara 100 meter, Ainina berlari dengan cepat untuk memenangi perlumbaan itu.

- Kesihatan ibu semakin lancar sejak mengambil ubat-ubatan yang disarankan oleh doktor.

- Amalan bersenam dapat membina tubuh yang kuat dan menjadikan mental kita cergas.

- Kita hendaklah melakukan senaman sekurang-kurangnya tiga kali seminggu untuk membina badan yang teguh.
